

06 AUG 2001

JALUR GEMILANG DITAMBAH DALAM KEMBARA MERDEKA 2001

GERIK, 6 Ogos (Bernama) -- Sambutan orang ramai terhadap kempen mengibarkan Jalur Gemilang sempena menyambut Hari Kebangsaan ke-44 amat menggalakkan sehinggakan Pasukan Kembara Merdeka 2001 terpaksa menambah bilangan Jalur Gemilang untuk diedarkan.

Setelah melalui lima negeri iaitu Selangor, Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis, pasukan itu tiba di Gerik hari ini dan akan ke Kelantan esok.

Ketua Program Kembara Merdeka 2001 Abdul Halim Syarif berkata beliau amat berpuas hati dengan sambutan dan sokongan yang ditunjukkan oleh masyarakat setempat.

Setelah enam hari perjalanan, sebanyak 44,000 bendera Jalur Gemilang diedarkan kepada orang ramai. Sebanyak 74 peserta program itu yang terdiri daripada pegawai dari Jabatan Penerangan, penceramah dan wakil media akan menjelajah ke seluruh Semenanjung dalam rangka program selama 17 hari.

Pasukan itu telah dilepaskan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dataran Putrajaya pada 1 Ogos dan dijangka tiba di Dataran Merdeka pada 17 Ogos ini.

Abdul Halim berkata tujuan Kembara Merdeka bukan sekadar untuk menyambut hari kemerdekaan tetapi untuk menyampaikan maklumat mengenai dasar kerajaan di samping mengajak masyarakat menghayati erti kemerdekaan daripada perspektif Islam.

-- BERNAMA

KK SHI AHH MAI